

19 NOV 1999

Osman-Undi (Fokus)

KETIADAAN OSMAN TIDAK JEJASKAN UNDI DR MAHATHIR

Oleh: Abdul Halim Taib

ALOR STAR, 19 Nov (Bernama) -- Ramai orang agak terperanjat terutamanya penduduk Kubang Pasu dengan tidak terpilihnya Tan Sri Othman Aroff sebagai anggota Dewan Undangan Negeri Jitra.

Sebelum itu mereka dikejutkan bahawa Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Abdul Halim Ali akan bertanding di Tunjang, tetapi tidak jadi.

Desas-desus juga menyatakan jika Osman tidak terpilih sebagai ADUN pun sekurang-kurangnya beliau berpindah di mana-mana kerusi Parlimen di luar Kubang Pasu, tetapi nampaknya kedua-dua ramalan terhadap Osman ini tidak betul.

Ekoran daripada itu terdapat dakwaan yang menyatakan apa yang terjadi kepada bekas menteri besar dan Timbalan Ketua UMNO Bahagian UMNO Kubang Pasu itu sedikit-sebanyak mempengaruhi undi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mewakili Parlimen Kubang Pasu.

Ini memandangkan Osman yang baru sahaja dilantik sebagai wakil peribadi kepada Perdana Menteri itu mempunyai pengaruh kuat di Kubang Pasu.

Osman yang menjadi ADUN Jitra sejak 30 tahun (mula 1969) dikatakan mempunyai penyokong yang banyak di Kubang Pasu sehingga ke akar umbi parti.

Bagaimanapun, desas-desus itu terjawab apabila orang ramai melihat Osman membantu Dr Mahathir memulakan kempenya di pekan Tunjang, petang ini.

Osman berkata beliau selaku Timbalan Ketua UMNO Kubang Pasu akan terus memberi sokongan tidak berbelah bahagi bagi memastikan Dr Mahathir menang besar pada pilihan raya umum ke-10 ini.

Katanya, dirinya tidak penting, yang penting ialah kemenangan cemerlang Dr Mahathir di Kubang Pasu, bagi membolehkan beliau terus memajukan Kubang Pasu sekali gus membangunkan projek-projek yang dirancang sebelum ini.

Ucapan beliau ini mendapat tepukan gemuruh daripada hadirin yang mungkin menyangka Osman tidak hadir pada majlis itu, mungkin kerana merajuk.

Sebelum itu, ketika ditemui pemberita pada majlis pengumuman nama-nama calon BN, Osman berkata beliau menerima apa sahaja apa keputusan yang dibuat oleh pucuk pimpinan.

Osman berkata sebagai seorang pejuang politik, beliau akan terus menyokong sesiapa sahaja calon BN.

Osman yang nampak menahan perasaan sedihnya berkata: "Buat masa ini saya belum lagi memutuskan apa yang hendak saya lakukan selepas ini, mungkin membabitkan diri dalam perniagaan."

Sementara pengganti Osman, Prof Dr Othman Ishak berkata, beliau akan berusaha membantu Dr Mahathir untuk memenangi pilihan raya ini.

Sebagai orang baru, katanya, beliau terpaksa berkerja kuat untuk memahami siluk-beluk politik dan orang-orang kawasan itu.

Dr Othman, 62, bekas Ketua Akademi Islam, Universiti Malaya ialah anak tempatan kelahiran Kampung Natoi, Hosba, daerah Kubang Pasu.

Beliau yang juga Rektor Insaniah, institusi pengajian Islam Kedah yang mengadakan pengajian kembar dengan Universiti Al-Azhar, kini menjadi anggota UMNO Pantai Halban, Jitra.

Dr Othman yang berkelulusan dalam bidang perundangan Islam dari Universiti Al-Azhar berkata pemilihan ramai tokoh ulama sebagai calon membuktikan bahawa kerajaan Malaysia mengambil berat tentang perkembangan Islam di negara ini.

Sementara itu, Ketua Pemuda UMNO Kubang Pasu Mohd Radzi Ayob berkata, pengundi Kubang Pasu terutama UMNO akan terus menyokong Dr Mahathir

berlandaskan rekod cemerlangnya selama ini.

Ketiadaan Osmman tidak menjejaskan sokongan UMNO kerana pemimpin datang dan pergi tetapi perjuangan demi bangsa dan negara pasti diteruskan.

-- BERNAMA

HT MFJ zb